

PRESS COVERAGE:

Date: 3rd April 2008, Wednesday

BERITA HARIAN

Derma \$2 juta Ngee Ann Kongsi lengkapi dana Sekolah Pathlight

Oleh HISHAM HAMBARI
mhisham@sph.com.sg

DENGAN derma murah hati sebanyak \$2 juta daripada Ngee Ann Kongsi, Sekolah Pathlight telah berjaya mengumpul \$7.5 juta, sekaligus mengakhiri usaha mengumpul dana bagi kampus baru sekolah kanak-kanak autisme itu yang bernilai \$33 juta.

Sebahagian besar kos pembinaan kampus tersebut yang dijangka siap April tahun depan bakal dibiayai pemerintah iaitu sebanyak \$26.4 juta.

Derma Ngee Ann

Kongsi itu adalah untuk pembinaan sebuah pusat latihan pravokasional tiga tingkat di kampus yang terletak di Ang Mo Kio Street 10 itu.

Selain mengandungi sekolah rendah dan menengah, kampus baru itu juga memuatkan sekolah teknologi maklumat (IT), pusat latihan dan konsultasi serta unit intervensi awal.

Pusat Sumber Autisme (ARC), yang merupakan badan induk Sekolah Pathlight, akan juga ditempatkan di sana.

Berbanding sejumlah 415 pelajar yang ada sekarang ini, kampus ba-

ru itu akan dapat menampung sekitar 600 pelajar.

Ketika ditemui di majlis penyampaian cek semalam, Menteri Negara Kanan (Pendidikan merangkap Pembangunan Negara) Cik Grace Fu, berkata sekolah itu adalah contoh baik untuk mengasah potensi kanak-kanak autisme.

"Saya fikir ia juga sesuatu yang boleh dilaksanakan untuk pelajar aliran utama, misalnya dalam bagaimana kita melihat bakat pelajar, bagaimana kita menyesuaikan sekitaran pelajaran, bahan dan isi kurikulum untuk memenuhi

keperluan kanak-kanak," kata Cik Fu.

Presiden ARC yang juga Anggota Parlimen GRC Jalan Besar, Cik Denise Phua, pula berkata kampus baru itu akan juga dibangunkan sebagai sebuah pusat serantau austime.

Parlimen

PARLIMEN akan bersidang pada Isnin, 21 April ini, mulai 1.30 petang.

Demikian menurut Kerani Parlimen dalam satu kenyataan semalam.